

Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad



Pendekatan Terjemahan Mahmud Yunus dalam *Tafsir Qur'an Karim: Analisis Wacana Kināyah*


Mahmud Yunus' Translation Approach in Tafsir Qur'an Karim: An Analysis of Metonymic Discourse

Nasimah Abdullah   & Muh. Naim Madjid  

To cite this article:

Abdullah, N., & Madjid, M. N. (2025). Pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dalam Tafsir Qur'an Karim: Analisis wacana kināyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1533-1545. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.555>

To link this article:

 <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.555>

Full Terms & Conditions of access and use can be found at:



<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/open>



Published online: 12 December 2025



Submit your article to this journal:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/about/submissions>



View related articles:

<https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad/issue/archive>




Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

This is an open access article under the CC BY-NC license.






Bandar Seri Putra, 43000, Bangi, Selangor (Darul Ehsan), Malaysia
603-8911 7167 +603-8925 4402
info@uis.edu.my
https://al-irsyad.uis.edu.my/index.php/alirsyad

Vol. 10, No. 2, (December, 2025)

Pendekatan Terjemahan Mahmud Yunus dalam *Tafsir Qur'an Karim: Analisis Wacana Kinayah*

[*Mahmud Yunus' Translation Approach in Tafsir Qur'an Karim: An Analysis of Metonymic Discourse*]

Nasimah Abdullah  ^{1*} & Muh. Naim Madjid  ²

¹Faculty of Islamic Civilisation Studies (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.

²Faculty of Languages Education, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Jl. Brawijaya, Geblagan, Tamantirto, Kec. Kasihan, Kabupaten Bantul, Daerah Istimewa Yogyakarta 55183, INDONESIA.

* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Nasimah binti Abdullah. Department of Language Studies and Arabic Linguistics, Faculty of Islamic Civilisation Studies (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), MALAYSIA. ✉ nasimah@uis.edu.my. ☎ (+60) 12 93 7495.

Keywords:

Mahmud Yunus, Translation Approach, Metonymic Discourse

ABSTRACT

Tafsir al-Qur'an al-Karim Rasm Uthmani, widely known as *Tafsir Mahmud Yunus* (TMY), is one of the most prominent Malay translations of Quranic meanings in the Malay world. This translation has received broad acceptance among the Malay community, particularly in Indonesia and Malaysia, due to its use of clear and straightforward language that makes it accessible to readers from diverse backgrounds. This study aimed to analyse the translation approach of Mahmud Yunus by examining selected Quranic verses that contain *kinayah* or metonymic discourse as the research samples. Metonymy corresponds to *kiasan* (figurative expression) in Malay and represents one of the key aspects of *ilm al-bayān* (the study of figures of speech). In other words, metonymy is a type of figurative language that conveys meaning indirectly, without referring to the literal sense of the expression. Therefore, Quranic metonymic discourse needs to be translated into other languages using an appropriate translation approach to ensure that the intended message is accurately conveyed to target readers while maintaining semantic equivalence between the source text and the translated text. Based on the analysis of six (6) selected verses, this study emphasised that Mahmud Yunus was inconsistent in his use of translation approaches, which resulted in ambiguity in some instances concerning the overall meaning of the discourse.

Contribution: This article explored the translation of Quranic Metonymy in the Malay Archipelago, with a particular focus on the work of the renowned scholar Mahmud Yunus. By integrating Larson's translation theory with a qualitative textual analysis of six Quranic verses, this study offers new insights into the practical application of the theory. This study thereby contributes to contemporary Islamic discourse that is both multidisciplinary and cross-cultural, aligning with the journal's focus on theoretical and analytical discussions of current issues in Islam.

Kata Kunci:

Mahmud Yunus, Pendekatan Terjemahan, Kināyah

ABSTRAK

Tafsir al-Quran al-Karim Rasm Uthmani lebih dikenali sebagai *Tafsir Mahmud Yunus*. Tafsir ini merupakan salah satu terjemahan makna al-Quran ke dalam bahasa Melayu yang sangat popular di dunia Melayu. Terjemahan ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat Melayu, khususnya di Indonesia dan Malaysia, kerana penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami oleh semua lapisan pembaca. Penulisan ini bertujuan menganalisis pendekatan terjemahan yang diguna pakai oleh Mahmud Yunus dengan memilih beberapa ayat al-Quran yang mengandungi wacana kināyah sebagai sampel kajian. *Kināyah* mempunyai perkataan sebanding dengan kiasan dalam bahasa Melayu dan *kināyah* merupakan salah satu aspek ilmu al-bayan. Dengan kata lain, *kināyah* adalah salah satu bentuk gaya bahasa kiasan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud secara tidak langsung, tanpa merujuk kepada makna zahir ungkapan tersebut. Oleh itu, wacana kināyah al-Quran perlu diterjemahkan kepada bahasa lain dengan menggunakan pendekatan terjemahan yang sesuai untuk menyampaikan mesej al-Quran kepada pembaca bahasa sasaran agar maksud teks sumber dan sasaran dapat mencapai kesepadanan makna. Berdasarkan enam (6) contoh ayat yang diteliti, kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus tidak konsisten dalam penggunaan pendekatan terjemahan yang adakalanya menyebabkan kekeliruan pada makna wacana secara keseluruhannya.

Sumbangan: Artikel ini membincangkan penterjemahan *kināyah* al-Quran dalam konteks Nusantara dengan tertumpu kepada ulama tersohor Mahmud Yunus. Kajian ini menggabungkan teori terjemahan Larson dan analisis teks kualitatif terhadap enam ayat al-Quran bagi menghasilkan pemahaman baharu tentang penerapan teori tersebut, seterusnya menyumbang kepada wacana Islam kontemporari yang bersifat multidisiplin dan rentas budaya, selaras dengan skop jurnal yang menekankan perbincangan teori dan aplikasi isu-isu semasa Islam.

ARTICLE HISTORY

Received: September 29, 2025
Revised: November 20, 2025
Accepted: November 21, 2025
Available Online: December 12, 2025
Published: December 19, 2025

This is an open access article under the CC BY-NC license.



To cite this article:

Abdullah, N., & Madjid, M. N. (2025). Pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dalam *Tafsir Qur'an Karim*: Analisis wacana kināyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 10(2), 1533-1545. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v10i2.555>

I. PENDAHULUAN

Selepas kedatangan Islam ke alam Melayu Nusantara melalui perkahwinan, perniagaan dan penyebaran Islam Soleh orang Arab, pengaruh al-Quran menjadi sangat kuat dalam masyarakat Melayu sehingga kitab suci ini dianggap amat istimewa dalam kehidupan mereka (Abdul Razak & Samah, 2007; Al-Attas, 1972). Selain al-Quran, hadis juga diberikan penghormatan tinggi dan mempunyai kedudukan istimewa dalam hati masyarakat Melayu (Abdullah & Mohamed Zin, 2022a). Kesan daripada kedatangan Islam ini, masyarakat Melayu

menunjukkan minat yang besar untuk mempelajari serta memahami kedua-duanya, iaitu al-Quran dan hadis dengan penuh kesungguhan.

Minat mendalam masyarakat Melayu Nusantara terhadap Islam telah membuka ruang kepada pengaruh karya ulama Arab dalam pelbagai cabang ilmu seperti fikah, akidah, tafsir, hadis dan tasawuf, sekali gus mendorong ulama tempatan menterjemahkannya (Yusuff, Saufi, & Othman, 2020). Pada abad ke-17 Masihi, Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri dari Aceh, Indonesia telah menghasilkan sebuah tafsir al-Quran lengkap 30 juzuk berjudul *Tafsir Tarjuman al-Mustafid*, yang turut dikenali sebagai terjemahan *Tafsir al-Baydawi* (Yusuff, Manaf, Ahmad, & Mahadzir, 2021; Yusoff & Abdullah, 2005). Selain itu, antara tokoh yang muncul kemudian ialah Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar dari Kedah, Malaysia pada abad ke-19 M. yang telah mengarang *Tafsir Nur al-Ihsan*, iaitu salah satu terjemahan al-Quran dalam bahasa Jawi yang dicetak di Mekah (1929), Bangkok (1934) dan Pulau Pinang (1936) (Yusuff & Sahad, 2013; Abdullah & Mohamed Zin, 2022b; Faizan & Hussin, 2014; Zakaria, 2021).

Pada abad ke-20 M., muncul tokoh tersohor dari Sumatera Barat, Indonesia, iaitu Mahmud Yunus, yang dikenali dengan sumbangan besarnya dalam bidang pendidikan Islam (Srimulyani, 2011), ilmu al-Quran dan tafsir (Ahmad, Mawardi, Maksam, Ariffin, & Abdullah, 2012; Ahmad & Mawardi, 2014), hadis (Hasibuan, 2020) dan ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth* (Zarif, 2018), fikah (Masril, Mohammad, Samsudin, & Omar, 2013), terjemahan al-Quran (Abdullah, 2017c; Musa, Yusoff, & Azmi 2019; Abdullah & Samsudin, 2024) serta pelbagai bidang lain. Salah satu usaha besar beliau ialah menterjemahkan makna al-Quran ke dalam bahasa Melayu melalui karya *Tafsir Qur'an Karim*, yang lebih dikenali sebagai *Tafsir Mahmud Yunus*. Karya ini merupakan antara terjemahan al-Quran paling berpengaruh dalam dunia Melayu dan menjadi rujukan utama masyarakat di Nusantara, termasuk Indonesia, Malaysia dan Brunei (Abdullah & Samsudin, 2024). Popularitinya berpunca daripada penggunaan bahasa yang ringkas serta mudah difahami oleh pelbagai lapisan pembaca (Abdullah, 2017c), sehingga menjadikannya mendapat sambutan luas di rantau ini.

Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dengan menjadikan wacana *kināyah* al-Quran sebagai fokus. *Kināyah* ialah elemen penting dalam ilmu *al-Bayān*, iaitu salah satu cabang balaghah yang membincangkan kaedah menyampaikan makna melalui pelbagai ungkapan (Che Mat, 2018). Secara ringkas, ilmu *al-Bayān* menjelaskan prinsip dan peraturan penggunaan bahasa kiasan bagi menyampaikan maksud dengan jelas serta memberi kesan tertentu kepada pendengar (Halim, Salleh, Rahman, & Suhane, 2018).

Kināyah sebenarnya sebanding dengan istilah kiasan dalam bahasa Melayu (Anon, 2021) dan termasuk dalam aspek ilmu *al-Bayān*. Ia merujuk kepada gaya bahasa kiasan yang menyampaikan maksud secara tidak langsung tanpa bergantung pada makna zahir. Menurut al-Hashīmi (1994), *kināyah* ialah ungkapan yang membawa makna berbeza daripada lafaz asal, namun tetap boleh difahami secara literal kerana tiada qarinah atau petunjuk yang menolak makna zahir tersebut. Justeru, *kināyah* mencakupi dua dimensi makna iaitu denotatif dan konotatif secara serentak.

Sementara itu, pemindahan bahasa dari Arab ke Melayu pula bukanlah suatu tugas yang mudah memandangkan kedua-duanya berasal daripada rumpun bahasa yang berbeza (Abdullah, 2021). Meskipun terdapat beberapa persamaan, hakikatnya kedua-dua bahasa ini lebih banyak berbeza khususnya dari sudut linguistik, semantik dan budaya (Abdullah & Che Mat, 2022). Kepelbagaian perbezaan inilah yang menjadi cabaran utama bagi penterjemah untuk ditangani dalam proses penterjemahan.

Kajian ini menumpukan kepada terjemahan gaya bahasa *kināyah* ke dalam bahasa Melayu kerana ia merupakan ungkapan figuratif atau *majāzi* yang tidak dapat diterjemahkan hanya pada peringkat semantik tanpa mempertimbangkan konteks penggunaannya (Ainon & Abdullah, 2006). Oleh sebab *kināyah* mengandungi makna implisit yang hanya dapat difahami melalui indikator tertentu (Ariffin & Mansor, 2020), maka penterjemahan wacana *kināyah* al-Quran memerlukan pendekatan yang tepat agar mesej al-Quran dapat disampaikan dengan jelas serta mencapai kesepadanan makna antara teks sumber dan teks sasaran. Bertitik tolak dari keadaan ini, penulisan ini bertujuan menganalisis pendekatan terjemahan yang diguna pakai oleh Mahmud Yunus dengan memilih beberapa ayat al-Quran yang mengandungi wacana *kināyah* sebagai sampel kajian.

Sebagai kesimpulan awal, terjemahan *kināyah* al-Quran daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu bukanlah tugas yang mudah kerana perbezaan ketara antara kedua-dua bahasa dari segi linguistik, semantik dan budaya. Penterjemahan secara literal sering kali menimbulkan kekeliruan, menghilangkan nilai komunikasi wacana kiasan dan tidak selari dengan maksud sebenar ayat al-Quran. Sebagai ungkapan figuratif, *kināyah* memerlukan pendekatan terjemahan yang sesuai agar maksud implisitnya dapat disampaikan dengan tepat.

2. TINJAUAN PERSURATAN

Perbincangan tinjauan persuratan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua fokus utama, iaitu pertama, kajian terdahulu yang meneliti *Tafsir Mahmud Yunus*, dan kedua, kajian berkaitan *kināyah* serta terjemahannya ke dalam bahasa Melayu.

2.1 Kajian Terdahulu Berkaitan *Tafsir Mahmud Yunus*

Sebagai tokoh ilmuan yang terkenal di alam Melayu, khususnya di Indonesia, Mahmud Yunus sememangnya menarik minat para pengkaji untuk menghuraikan ketokohan serta keluasan ilmunya. Antara kajian awal berkaitan Mahmud Yunus ialah oleh [Srimulyani \(2011\)](#), yang mengkaji gagasan reformasi beliau dalam bidang pendidikan dan pengajaran bahasa Arab. Kajian tersebut memfokuskan kepada karya-karya penting seperti Kamus Arab-Indonesia, buku teks *Durus al-Lughah al-'Arabiyyah*, serta sebuah buku panduan khas untuk guru dalam pengajaran bahasa Arab.

[Ahmad et al. \(2012\)](#) serta [Ahmad dan Mawardi \(2014\)](#) pula membincangkan ketokohan Mahmud Yunus dari segi latar belakang serta usahanya dalam menghasilkan karya *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus mentafsirkan ayat al-Quran dengan pelbagai pendekatan, termasuk merujuk kepada al-Quran, hadis, pandangan sahabat, pandangan tabiin, pertimbangan akal, analisis makna kata, peribahasa dan kisah-kisah. Kajian ini merumuskan bahawa penerapan metode tersebut dalam memberi interpretasi terhadap ayat al-Quran seiring dengan kaedah ulama tafsir yang lain.

Kajian mengenai Mahmud Yunus kemudiannya diteruskan oleh [Masril et al. \(2013\)](#) yang menganalisis pemikiran fikah tokoh ini berdasarkan pemerhatian terhadap 17 karya beliau yang terkenal. Kajian ini mendapati bahawa pemikiran fikah Mahmud Yunus mencerminkan perbahasan yang meluas merangkumi pelbagai aspek ilmu fikah, terutamanya yang berkaitan dengan asas dan amalan praktikal. Beliau turut memberi perhatian kepada isu-isu fikah semasa dalam perbincangannya. Huraian dan contoh-contoh yang dikemukakan disampaikan dalam bahasa yang mudah dan ringkas, selaras dengan tahap kefahaman, objektif, dan golongan sasaran karya-karyanya. Dari segi rujukan, pandangan, dan ulasan, Mahmud Yunus tidak hanya terikat kepada empat mazhab utama, malah turut merujuk kepada pandangan mazhab lain. Selain itu, beliau juga mengambil kira pandangan ulama kontemporari antarabangsa untuk dianalisis dengan tujuan memastikan kemaslahatan umat dan mengelakkan kemudaratan.

[Hasibuan \(2020\)](#) membincangkan tentang sumbangan pemikiran Mahmud Yunus dalam bidang hadis. Kajian tersebut mendapati beliau turut memberi perhatian kepada hadis dan ilmu hadis dengan memasukkannya ke dalam kurikulum pendidikan serta menjadikannya bahan pengajaran di madrasah. Sementara itu, [Zarif \(2018\)](#) menganalisis peranan dan sumbangan beliau dalam memperkembangkan ilmu mustalah al-hadis di alam Melayu Nusantara.

Dalam bidang terjemahan al-Quran, terdapat tiga kajian penting berkaitan *Tafsir Mahmud Yunus*, iaitu oleh [Abdullah \(2017c\)](#), [Musa et al. \(2019\)](#), serta [Abdullah dan Samsudin \(2024\)](#). Kajian [Abdullah \(2017c\)](#) meneliti aspek kohesi dalam terjemahan dengan menumpukan kepada kesepadanan kata ganti nama Arab dalam bahasa Melayu. Berdasarkan 11 sampel ayat al-Quran, didapati empat sampel, iaitu Surah Nūḥ [71]: 7, al-Tawbah [9]: 67, al-Sajadah [32]: 1 2 dan al-Baqarah [2]: 19 tidak selari dengan kata ganti nama Arab sehingga menjejaskan kohesi dan kekuatan wacana. Seterusnya, [Musa et al. \(2019\)](#) menganalisis terjemahan ayat metafora al-Quran ke bahasa Indonesia dengan merujuk kepada pentafsiran 'Abd al-Nāṣir al-Sa'dī dalam *Tafsīr al-Karīm al-Raḥmān* dan Ibn 'Ashur dalam *al-Taḥrīr wa al-Tamwīr*. Hasil analisis menunjukkan Mahmud Yunus menggunakan strategi penjelasan tambahan melalui kurungan dan nota kaki, namun dalam beberapa keadaan hanya memilih terjemahan literal. Sementara itu, [Abdullah dan Samsudin \(2024\)](#) mengkaji pendekatan beliau terhadap majaz mursal dengan menggunakan teori eksplisitasi pengkhususan leksikal Klaudy dan Károly. Berdasarkan sembilan data, kajian tersebut mendapati Mahmud Yunus berjaya menyampaikan makna tersirat al-Quran secara tepat dan serasi dengan kehalusan retorik bahasa Arab.

Tuntasnya, banyak kajian telah dilakukan berkaitan sosok ulama yang bernama Mahmud Yunus ini ekoran ketinggian ilmunya. Kajian-kajian sebelum ini membahaskan sumbangan Mahmud Yunus dalam bidang pendidikan Islam dan pengajaran bahasa Arab, ilmu al-Quran dan tafsir, hadis, ilmu *mustalah al-ḥadīth*, fikah serta terjemahan al-Quran. Namun, belum terdapat kajian khusus yang memfokuskan kepada pendekatan terjemahan Mahmud Yunus terhadap wacana *kināyah* al-Quran. Oleh itu, penulisan ini diharapkan dapat membuka ruang kepada sumbangan baharu dalam dunia akademik.

2.2 Kajian Terdahulu Melibatkan *Kināyah* dan Terjemahannya kepada Bahasa Melayu

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan pembelajaran dan pengajaran *kināyah* (Abdullah Samsudin, Abd Rahman, Zainal Abidin, & Hambali, 2022; Abdullah et al., 2023b; Abdullah et al., 2024) serta terjemahannya kepada bahasa Melayu (Abdullah, Rahman, & Samsudin, 2018; 2020; Rahman, Abdullah, & Samsudin, 2019). Terdapat pula sebuah kajian oleh Madjid (2021) yang mengemukakan analisis terjemahan bahasa kiasan (*Figurative Language*) dalam novel *Khān Al-Khalīlī* karya Naguib Mahfouz dan buku terjemahannya, *Lelaki dalam Pasungan* karya Pahruroji M. Bukhori dan didapati tiga contoh metonimi (*kināyah*) yang menggunakan kaedah terjemahan literal dan terjemahan idiomatik.

Namun, penulis hanya menemui dua kajian sahaja yang menganalisis terjemahan dalam Tafsir Mahmud Yunus iaitu oleh Abdullah et al. (2023a) dan Abdullah et al. (2024). Kajian yang pertama menganalisis terjemahan Mahmud Yunus terhadap surah al-Nisā' [4] ayat 23 sahaja, manakala kajian kedua menganalisis terjemahan dua ayat al-Quran sahaja iaitu surah Āli 'Imrān [3] ayat 47 dan surah Maryam [19] ayat 20. Oleh itu penulisan ini amat berbeza dengan kedua-dua kajian tersebut kerana menganalisis ayat yang berlainan.

Dari sudut isu dalam terjemahan *kināyah* al-Quran kepada bahasa Melayu, penulis mendapati terdapat beberapa kajian terdahulu yang merumuskan dua perkara berikut:

i- *Kināyah* al-Quran tidak boleh diterjemahkan secara literal apabila makna teks terjemahan tidak selari dengan makna yang dimaksudkan oleh mesej asal al-Quran (Abdullah, 2017b). Contohnya Abdullah Basmeih telah menterjemahkan surah Ibrāhīm [14] ayat 9 secara literal, Zaini Dahlan telah menterjemahkan surah al-Qalam [68] ayat 16 secara literal, dan Mahmud Yunus telah menterjemahkan surah al-Isrā' [17] ayat 51 secara literal. Kesemua makna teks terjemahan bagi ketiga-tiga ayat tersebut tidak sepadan dengan mesej al-Quran. Hasil analisis oleh Abdullah (2016) juga mendapati bahawa Mahmud Yunus menterjemahkan surah al-Munāfiqūn ayat 5 secara literal, dan begitu juga Abdullah Basmeih telah menggunakan pendekatan yang sama bagi surah Ibrāhīm ayat 9. Pendekatan terjemahan literal ini tidak selaras dengan konteks penggunaan perkataan, frasa, ayat, serta keseluruhan wacana dalam al-Quran. Selain itu, penggunaan pendekatan terjemahan secara literal dalam sesetengah keadaan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca (Abdullah, 2017a).

ii- *Kināyah* al-Quran boleh diterjemahkan secara literal sekiranya tidak menimbulkan kekeliruan terhadap maksud atau mesejnya, namun apabila makna menjadi samar, penterjemah perlu memilih pendekatan lain (Abdullah et al., 2020). Ini bermakna tidak semua *kināyah* sesuai diterjemahkan secara literal kerana perbezaan linguistik, semantik, budaya dan konteks turut mempengaruhi tahap kebolehterjemahan (Abdullah, 2017d). Berdasarkan analisis 40 data oleh Abdullah (2024) terhadap enam teks terjemahan, hanya empat ayat al-Quran, iaitu al-Baqarah [2]: 236, Āli-'Imrān [3]: 47, Maryam [19]: 20 dan al-Ahzāb [33]: 49 yang didapati boleh diterjemahkan secara literal kerana kaedah ini tetap menghasilkan makna yang sepadan dengan mesej al-Quran.

Rumusannya, walaupun banyak kajian telah dilakukan terhadap sumbangan Mahmud Yunus dalam bidang pendidikan Islam, tafsir, hadis dan terjemahan al-Quran, belum ada kajian khusus yang mengkaji pendekatan beliau terhadap wacana *kināyah* al-Quran secara menyeluruh. Penyelidikan sedia ada hanya menganalisis ayat-ayat terpilih secara terhad. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menganalisis secara sistematik enam ayat *kināyah* untuk menilai pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dan keberkesannya.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menggunakan reka bentuk kaedah analisis kandungan teks dengan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Sumber utama ialah *Tafsir Qur'an Karim* karya Mahmud Yunus, lebih dikenali sebagai *Tafsir Mahmud Yunus* (TMY). Penulisan ini menganalisis pendekatan terjemahan beliau dengan memberi tumpuan kepada wacana *kināyah* al-Quran. Sebanyak enam sampel ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa *kināyah* daripada *Tafsir Mahmud Yunus* dipilih untuk dianalisis berdasarkan pendekatan terjemahan yang digunakan. Korpus kajian ialah naskhah *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani* edisi 2008 terbitan Klang Book Centre, Malaysia. Ayat yang dianalisis ialah al-Baqarah [2]: 101, Āli 'Imrān [3]: 144, al-Mā'idah [5]: 11, al-Isrā' [17]: 51, al-Tahrīm [66]: 12 dan al-Masad [111]: 4.

Walaupun jumlah sampel hanya terdiri daripada enam ayat, pemilihan ini adalah selaras dengan kaedah pensampelan bertujuan yang lazim digunakan dalam kajian analisis kandungan kualitatif. Pensampelan bertujuan tidak menekankan jumlah data yang besar, tetapi menuntut pemilihan data yang paling relevan dan

signifikan bagi menjawab objektif kajian. Enam ayat *kināyah* tersebut dipilih kerana setiap ayat mempunyai bentuk *kināyah* yang berbeza dan mencerminkan variasi penggunaan figuratif dalam al-Quran. Ayat-ayat itu turut mewakili dua kecenderungan terjemahan Mahmud Yunus iaitu terjemahan literal dan terjemahan interpretatif. Selain itu, kajian *kināyah* dalam al-Quran berasaskan analisis konteks, bukan bersifat kuantitatif yang memerlukan jumlah data yang banyak.

Kajian ini menggunakan rekabentuk analisis kandungan secara deskriptif, selaras dengan objektif kajian kerana kaedah ini menekankan pemerhatian terhadap unit analisis bertulis bagi tujuan penilaian, kesimpulan dan pemahaman (Idid, 2002; Long, 2016). Bagi menilai ketepatan dan kesepadanan mesej antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, kajian ini merujuk kepada beberapa kitab tafsir utama, antaranya *Tafsīr al-Kashshāf* karya al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Jalālain* oleh al-Suyūṭī, *Tafsīr Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* karya al-Bayḍāwī, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tamwīr* oleh Ibn 'Ashūr, *Tafsīr al-Ṭabarī* oleh al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* karya al-Qurtubī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* oleh Ibn Kathīr, serta *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān* karya al-Zarkashī.

Untuk menilai kesepadanan makna sebenar mesej al-Quran dengan teks sasaran, kajian ini mengguna dua sahaja daripada lima prosedur Larson (1984). Tatacara pertama ialah terjemahan kata demi kata, iaitu penterjemah menterjemahkan setiap perkataan secara langsung tetapi tetap membentuk gambaran serupa dalam bahasa sasaran kerana adanya kesepadanan bahasa. Strategi ini mengekalkan konstituen bahasa sumber dan memastikan nilai komunikasi tidak hilang. Tatacara kedua pula ialah menukarkan ungkapan *kināyah* kepada pengertian makna sebenar, iaitu penterjemah menggantikan bentuk figuratif bahasa sumber dengan pengertian yang jelas dalam bahasa sasaran tanpa mengekalkan struktur asal bahasa sumber.

Justifikasi terhadap pemilihan dua daripada lima prosedur Larson ialah kerana kedua-dua prosedur ini relevan secara langsung dengan isu *kināyah*, iaitu bentuk bahasa kiasan yang memerlukan pemilihan antara mengekalkan bentuk literal atau menukarkannya kepada makna tersirat. Selain itu, fokus kajian ialah menguji kesepadanan makna, bukan variasi transformasi linguistik. Oleh itu, dua prosedur ini paling sesuai untuk menilai sama ada TMY mengekalkan bentuk literal yang berpotensi menghilangkan nilai komunikasi wacana kiasan atau memilih makna interpretatif yang tepat seperti dianalisis ulama tafsir.

Akhir sekali, proses analisis dapatan dilakukan melalui dua langkah utama. Pertama, setiap terjemahan *kināyah* dalam TMY dibandingkan secara silang dengan pentafsiran ulama tafsir klasik bagi mengenal pasti makna sebenar yang dimaksudkan oleh ayat al-Quran. Perbandingan ini membolehkan penentuan sama ada terjemahan TMY selaras atau menyimpang daripada interpretasi autoritatif tradisi tafsir. Kedua, dapatan tersebut dianalisis menggunakan kerangka teori Larson dengan memberi tumpuan kepada dua prosedur utama, iaitu terjemahan kata demi kata dan pengalihan makna sebenar. Setiap sampel terjemahan dinilai berdasarkan keupayaannya mengekalkan kesepadanan makna, ketepatan mesej, dan nilai komunikasi antara teks sumber dan teks sasaran. Pendekatan gabungan ini memastikan analisis dapatan bersifat sistematik, menyeluruh, dan berpaksikan teori serta autoriti tafsir.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dari segi kesepadanan makna berdasarkan pentafsiran ulama, kajian ini mendapati terdapat terjemahan yang sepadan dengan maksud al-Quran dan ada yang tidak sepadan. Perbincangan dibahagikan kepada dua aspek, iaitu: i) terjemahan yang menepati makna al-Quran, dan ii) terjemahan yang tidak menepati makna. Bagi memudahkan analisis, ayat al-Quran bersama terjemahannya dipaparkan dalam jadual, manakala ungkapan *kināyah* ditanda dengan garisan bawah. Terjemahan Mahmud Yunus dirujuk menggunakan singkatan TMY.

4.1 Terjemahan Menepati Makna yang Dimaksudkan oleh al-Quran

Kajian mengemukakan di sini analisis lengkap terhadap tiga ayat al-Quran yang mempunyai terjemahan yang menepati makna al-Quran iaitu surah Āli 'Imrān [3] ayat 144, al-Mā'idah [5] ayat 11 dan al-Tahrīm [66] ayat 12.

4.1.1 Contoh 1

Jadual 1

Surah Āli ‘Imrān [33] Ayat 144

Ayat al-Quran	﴿وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَصُرَ اللَّهُ شَيْءًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾﴾
TMY	Dan Muhammad itu tidak lain, hanya seorang rasul, sesungguhnya telah terdahulu beberapa orang rasul sebelumnya. Jika rasul itu mati atau terbunuh, adakah kamu kembali menjadi kafir? Barangsiapa kembali menjadi kafir; tidaklah dia mendatangkan bahaya kepada Allah sedikit pun; dan Allah akan memberikan balasan bagi orang-orang yang bersyukur.

Ungkapan *kināyah* dalam ayat al-Quran tersebut terdapat pada frasa (انقلبتم على أعقابكم). Menurut Ibn ‘Ashūr (1984/3: 113), perkataan (انقلبتم) membawa maksud “kamu kembali,” manakala (أعقاب) bentuk jamak bagi (عقب) merujuk kepada bahagian belakang kaki. Al-Ṭabarī (2005/3: 1989) pula menjelaskan bahawa ungkapan ini adalah *kināyah* yang menggambarkan perbuatan kembali semula kepada kekufuran, berpaling daripada Islam atau menjadi murtad setelah beriman.

Dapat diperhatikan dalam Jadual 1 bahawa Mahmud Yunus menterjemahkan frasa tersebut kepada “kamu kembali menjadi kafir.” Pendekatan beliau ini ternyata sepadan dengan pentafsiran ulama tafsir seperti al-Ṭabarī. Hal ini bermaksud beliau menukarkan ungkapan *kināyah* tersebut kepada pengertian makna sebenar. Pendekatan ini tidak mengekalkan konstituen bahasa sumber iaitu “kamu kembali” dan “atas bahagian belakang kaki,” sebaliknya terus kepada makna yang boleh difahami dalam bahasa sasaran. Penulis berpandangan bahawa pendekatan yang diaplikasikan oleh Mahmud Yunus ini boleh menyampaikan maksud asal mesej al-Quran kerana bahasanya agak jelas. Jika beliau mengekalkan konstituen bahasa sumber sudah pasti terjemahan sebegini menyebabkan wujudnya kesamaran makna dan gangguan pada struktur ayat.

4.1.2 Contoh 2

Jadual 2

Surah al-Mā'idah [5] Ayat 11

Ayat al-Quran	﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هُمْ قَوْمٌ أَنْ يَبْسُطُوا إِلَيْكُمْ أَيْدِيَهُمْ فَكَفَّ أَيْدِيَهُمْ عَنْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾﴾
TMY	Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah akan nikmat Allah kepadamu, Ketika satu kaum bercita-cita hendak menyerangmu (membunuhmu) dengan tangan mereka, lalu Allah menahan tangan mereka daripadamu dan takutlah kepada Allah. Dan kepada Allah hendaklah bertawakal orang-orang beriman.

Ungkapan *kināyah* dalam ayat al-Quran ini terdapat pada frasa (أن يبسطوا إليكم أيديهم). Secara literal, frasa (بسط الأيدي) bermaksud membentang atau membuka tangan (Anon, 2006). Namun, terjemahan literal boleh menimbulkan kesamaran kerana menurut ulama tafsir, ia merupakan *kināyah* yang merujuk kepada tindakan menyerang, mengganggu, memusnahkan, menghapuskan, membinasakan atau membunuh (Al-Bayḍāwī, 2003; Al-Qurṭubī, 2000; Al-Zamakhsharī, 1995; Ibn ‘Ashūr, 1984).

Daripada Jadual 2 dapat dilihat bahawa Mahmud Yunus menukarkan ungkapan *kināyah* bahasa sumber kepada makna dalam bahasa sasaran iaitu “menyerangmu (membunuhmu) dengan tangan mereka.” Pendekatan ini mampu difahami oleh pembaca sasaran kerana ia terus kepada makna, malah ia bertepatan dengan pentafsiran para ulama tafsir.

4.1.3 Contoh 3

Jadual 3

Surah al-Tahrim [66] Ayat 12

Ayat al-Quran	﴿وَمَرْيَمَ ابْنَتِ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَقْتَ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتِبَ عَلَيْهَا الظُّهُورَ﴾
TMY	Dan lagi Maryam binti Imran, yang menjaga kehormatannya, kemudian kami tiupkan ruh kepadanya (sehingga dia melahirkan Isa) dan dia membenarkan kalimat Tuhan dan kitab-kitabnya dan dia termasuk orang-orang yang taat.

Ungkapan *kināyah* dalam ayat ini merujuk kepada frasa (أحصت فرجها) yang secara literal bermaksud “menjaga farajnya.” Namun, terjemahan literal berpotensi menimbulkan kesamaran kerana ungkapan tersebut membawa maksud kiasan seperti “menjaga kehormatan diri” atau “memelihara maruah daripada perbuatan keji.” Makna figuratif ini disokong oleh pentafsir seperti al-Suyūṭī (2003) dan al-Zarkashī (2001) yang menegaskan bahawa (أحصت فرجها) merupakan *kināyah* kepada kesucian Maryam, ibu Nabi Isa AS, daripada sebarang hubungan intim. Berdasarkan Jadual 3, Mahmud Yunus menterjemahkannya sebagai “yang menjaga kehormatannya.” Pendekatan ini tidak mengekalkan bentuk literal bahasa sumber, sebaliknya memilih makna sebenar yang jelas difahami dalam bahasa sasaran. Strategi sebegini menepati mesej al-Quran.

4.2 Terjemahan Tidak Menepati Makna yang Dimaksudkan oleh al-Quran

Kajian mengemukakan di sini analisis lengkap terhadap tiga ayat al-Quran yang mempunyai terjemahan yang tidak menepati makna al-Quran, iaitu surah al-Baqarah [2] ayat 101, al-Isrā’ [17] ayat 51 dan al-Masad [111] ayat 4.

4.2.1 Contoh 4

Jadual 4

Surah al-Baqarah [2] Ayat 101

Ayat al-Quran	﴿وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ نَبَأَ فَرِيقٌ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ كَيْتَبَ اللَّهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾
TMY	Dan tatkala datang kepada mereka Rasul dari sisi Allah, yang membenarkan (kitab) yang ada pada mereka, maka sebahagian di antara mereka yang mempunyai kitab itu, membuang kitab Allah di belakang punggungnya, seolah-olah mereka itu tidak mengetahuinya.

Menurut al-Bayḍawī (2003), al-Ṭabarī (2005) dan al-Zamakhsharī (1995), frasa (وراء ظهورهم) merupakan *kināyah* yang merujuk kepada sikap penolakan terhadap kitab Taurat. Menurut al-Qurtubī (2000), mereka meninggalkan Taurat dan mengambil Kitab Asif dan sihir Harut dan Marut. Orang Arab berkata (جعل هذا الأمر وراء ظهره ودبر أذنه), merujuk kepada sikap meremehkan, menolak, dan membuang sesuatu. Jika frasa ini diterjemahkan secara literal sebagai “belakang punggung mereka,” maka maksud kiasan yang ingin disampaikan tidak akan terserlah dengan jelas. Hal ini kerana terjemahan literal hanya menjelaskan makna dalam konteks teks asal setakat mana yang dibolehkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran, tanpa merangkumi maksud mendalam yang tersirat.

Jadual 4 menunjukkan bahawa Mahmud Yunus menterjemah frasa tersebut secara kata demi kata iaitu “di belakang punggungnya.” Penggunaan pendekatan terjemahan literal sebegini tidak dapat menghasilkan imej yang sama dalam bahasa sasaran kerana tidak mempunyai penggunaan yang serupa antara kedua bahasa sumber dan sasaran. Dapat dilihat juga bahawa beliau menggunakan alat kohesi yang tidak sepadan iaitu “nya” sedangkan teks sumber al-Quran menggunakan kata ganti nama “هم” yang merujuk kepada jamak iaitu “mereka”.

4.2.2 Contoh 5

Jadual 5

Surah al-Isrā' [17] Ayat 51

Ayat al-Quran	﴿أَوْ خَلَقْنَا مِمَّا يَكْبُرُ فِي صُدُورِكُمْ فَسَيَقُولُونَ مَنْ يُعِيدُنَا قُلِ الَّذِي فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَى هُوَ قُلْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَرِيبًا ﴿٥١﴾﴾
TMY	Atau menjadi makhluk yang besar keadaannya dalam hatimu (fikiranmu). Nanti mereka akan berkata: Siapakah akan mengembalikan kami (hidup)? Katakanlah: Yang menjadikan kamu pertama kali. Lalu mereka menggelengkan kepalanya kepada engkau dan berkata: Bilakah ia (berbangkit itu)? Katakanlah: Mudah-mudahan ia telah dekat.

Ungkapan *kināyah* dalam ayat ini merujuk kepada frasa (سينغضون إليك رؤوسهم). Menurut al-Bayḏāwī (2003/1: 573), al-Zamakhsharī (1995/2: 645) dan Ibn ‘Āshūr (1984/7: 128), frasa tersebut menggambarkan sifat takbur, sombong atau angkuh. Jika ungkapan (انغاض الرأس) diterjemahkan secara literal sebagai “menggelengkan kepala,” maksud sebenar ayat al-Quran boleh disalah tafsir kerana perbezaan sistem linguistik, struktur semantik dan budaya antara bahasa Arab dan Melayu.

Berdasarkan Jadual 5, Mahmud Yunus menterjemahkan frasa ini secara kata demi kata. Pendekatan tersebut tidak melahirkan imej yang setara dalam bahasa sasaran kerana tiada padanan penggunaannya dalam bahasa Melayu. Dengan mengekalkan bentuk literal bahasa sumber, terjemahan ini gagal mencapai kesepadanan makna dan menyebabkan hilangnya nilai komunikasi yang seharusnya disampaikan oleh teks al-Quran.

4.2.3 Contoh 6

Jadual 6

Surah al-Masad [111] Ayat 4

Ayat al-Quran	﴿وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ﴿٤﴾﴾
TMY	Dan perempuannya (isteri) yang mengangkut kayu api.

Perkataan (امرأة) dalam ayat ini merujuk kepada isteri Abū Lahab bernama Arwā, iaitu saudara perempuan kepada Abū Sufyān. Menurut ahli tafsir, frasa (حمالة الحطب) ialah kiasan yang menggambarkan sifatnya yang suka menyebarkan fitnah, mengadu domba dan mengumpat (Al-Ṭabarī, 2005/10: 8824-8825; Al-Bayḏāwī, 2003/2: 630; Al-Qurṭubī, 2000/20: 235-236; Ibn Kathīr, 2000/14: 495-496). Jika ungkapan tersebut diterjemahkan secara literal sebagai “seorang perempuan pemunggal kayu api,” mesej sebenar berisiko tidak tersampaikan dengan tepat dan boleh mengelirukan pembaca. Hal ini berpunca daripada perbezaan linguistik, semantik dan budaya antara bahasa Arab dengan Melayu yang mempengaruhi pemahaman makna figuratif.

Dalam Jadual 6, Mahmud Yunus menterjemahkannya sebagai “yang mengangkut kayu api.” Perkataan “punggal” dan “angkut” mempunyai makna sinonim (Anon, 2025). Jelas bahawa beliau mengekalkan konstituen bahasa sumber, namun pendekatan literal ini gagal menyampaikan makna kiasan yang dimaksudkan, iaitu sifat suka menabur fitnah, mengadu domba dan mengumpat, sehingga nilai komunikasi antara teks sumber dan teks sasaran hilang.

5. KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan menilai pendekatan terjemahan Mahmud Yunus terhadap ungkapan *kināyah* al-Quran serta meneliti kesepadanan makna antara teks sumber dengan teks sasaran melalui prosedur teori Larson. Berdasarkan analisis terhadap enam ayat yang mengandungi variasi bentuk *kināyah*, dapatan menunjukkan bahawa Mahmud Yunus tidak menerapkan pendekatan terjemahan secara konsisten. Sebahagian ayat diterjemahkan secara literal sehingga menimbulkan kekaburan makna kiasan dan mengurangkan nilai komunikasi, manakala sebahagian lain diterjemahkan secara interpretatif dengan menukarkan *kināyah* kepada makna sebenar yang selaras dengan pentafsiran ulama tafsir.

Ketidakselarasan ini mempunyai implikasi penting terhadap kefahaman masyarakat, khususnya pembaca yang menggunakan TMY sebagai rujukan utama. Terjemahan literal bagi ungkapan *kināyah* boleh membawa kepada salah tafsir, mengaburi mesej sebenar al-Quran, dan menjejaskan ketepatan pemaknaan ayat, terutama bagi pembaca yang tidak merujuk kepada kitab tafsir.

Keaslian (*novelty*) kajian ini terletak pada penerapan kerangka teori Larson secara langsung untuk menilai penterjemahan wacana *kināyah*, di samping menggunakan perbandingan silang dengan tafsir klasik untuk menentukan kesepadanan makna. Pendekatan gabungan ini menawarkan perspektif baharu yang menyumbang kepada bidang pengajian tafsir dan kajian terjemahan al-Quran. Walau bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada enam sampel ayat, sekali gus tidak dapat menggambarkan keseluruhan kecenderungan terjemahan Mahmud Yunus secara menyeluruh. Kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan jumlah ayat *kināyah* yang lebih besar, membandingkan beberapa terjemahan lain di Nusantara, serta mengaplikasikan keseluruhan prosedur teori Larson atau teori terjemahan lain bagi memperoleh gambaran yang lebih komprehensif tentang strategi penterjemahan *kināyah* dalam teks al-Quran.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan atau peribadi yang boleh mempengaruhi secara tidak wajar penyediaan, analisis, atau penulisan artikel ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) atas sokongan yang amat berharga sepanjang proses penulisan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini merupakan hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam bidang pengajian terjemahan makna al-Quran. Nasimah Abdullah telah menjalankan pengumpulan dan penganalisan data serta melaksanakan penyuntingan artikel. Muh. Naim Madjid melakukan semakan terhadap analisis data dan menambah sitasi dan bahan rujukan.

RUJUKAN

- Abdul Razak, Z. R. & Samah, R. (2007). *Kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu nusantara*. Nilai: Penerbit Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Abdullah, N. & Che Mat, A. (2022). Kaedah terjemahan objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) dalam bahasa Melayu. Dlm. G. S. Seong (Pnyt.). *Penterjemahan Struktur Bahasa Asing Dalam Bahasa Melayu*. (123-149). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, N. & Mohamed Zin, M. (2022a). Terjemahan hadis nabi kepada bahasa Melayu: Sorotan kajian lepas dalam dimensi pengajian terjemahan moden. Dlm. S. Abu Bakar et al., (Pnyt.), *Apresiasi Ketokohan Ulama Tafsir dan Hadis Sepanjang Zaman. Jilid 3 (Wacana Akademia Pengajian Islam)*. Bab 58, (pp. 560-568). Dicapai daripada <http://conference.kuis.edu.my/thiqah/images/Docs/Thiqah22.pdf>.
- Abdullah, N. & Mohamed Zin, M. (2022b). Sumbangan dan Pengaruh Tafsir al-Baghawi di Alam Melayu Nusantara. Dlm. S. Abu Bakar et al., (Pnyt.), *Apresiasi Ketokohan Ulama Tafsir dan Hadis Sepanjang Zaman. Jilid 1 (Ketokohan Ulama Tafsir)*. (36-41). Bandar Seri Putra: Penerbit FPPI, Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N. (2016). Dauru al-siyāq fī taḥqīq al-tarjamah al-ṣaḥīḥah (The importance of context in the authentic translation). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 113-128. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v1i1.40>.

- Abdullah, N. (2017a). 'Awāmilu Lujūi' al-Shaikh 'Abdullah Basmeih ilā taṭbīq al-takafu' al-shakli fī tarjamah al-dilālāt al-majāziyyah al-Qurāniyyah. *Proceedings of Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara, PAnTUMN2017*. (pp. 518-529). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, N. (2017b). Akhtha' tarjamah al-dalalat al-kina'iyyah al-quraniyyah ila al-lughah al-malayuwiyyah: 'Irdhun wa tahlil. *Global Journal al-Thaqafah*. Volume 7, Issue 1, June 2017. 117-132. Dicapai daripada <https://jurnal.usas.edu.my/gjat/index.php/journal/article/view/618/512>.
- Abdullah, N. (2017c). Kohesi dalam Tafsir Mahmud Yunus: Pemerhatian terhadap terjemahan kata ganti nama diri. *Proceedings of 4th. International Seminar on Post Graduate Studies (SAPLI2017)*. (pp. 316-330). De Palma Hotel, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, N. (2017d). Uslūb tarjamah al-majāz ila al-tashbih: Dirāsah li al-nusūs al-qur'āniyyah ilā al-lughah al-malāyuwiyyah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 95-109. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.21>.
- Abdullah, N. (2021). Unsur kelewahan dalam teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. Dlm. N. Husin et al., (Pnyt.), *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18*. (pp. 486-502). Universiti Teknologi MARA, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka & Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Abdullah, N., & Samsudin, S. (2024). Strategi eksplisitasi pengkhususan leksikal dalam terjemahan al-Quran: Kajian terhadap majāz mursal oleh Mahmud Yunus. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 93-114. Dicapai daripada <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/332/261>.
- Abdullah, N., Abd Rahman, L., & Samsudin, S. (2023a). Pendekatan komunikatif Newmark dalam menterjemahkan kinayah dalam Al-Quran: Satu pemerhatian. Dlm. N. Hussin & R. Zakaria (Pnyt.) *Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli dalam Isu Pendidikan al-Quran*. (92-109). Penerbit USIM.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Rahman, L. A., Arifin, A. N. Z., & Hambali, M. A. (2023b). Analisis keperluan pelajar terhadap penggunaan teknologi dalam memahami terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 65-84. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v10i2>.
- Abdullah, N., Rahman, L. A., & Samsudin, S. (2018). Terjemahan kinayah dalam wacana al-Quran: Analisis teori semantik Newmark. *e-Jurnal Penyelidikan & Inovasi*, 5(2), 256-276. Dicapai daripada <http://rnc.kuis.edu.my/jpi>.
- Abdullah, N., Rahman, L. A., & Samsudin, S. (2020). Terjemahan kinayah dalam wacana Al-Quran: Analisis teori komunikatif Newmark. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(30), 40-61. Dicapai daripada <https://academicinspired.com/jised/article/view/1117>.
- Abdullah, N., Rahman, L. A., Samsudin, S., & Mansor, N. (2024). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih dalam pengajaran terjemahan kinayah al-Quran kepada bahasa Melayu. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 11(2), 146-164. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2>.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Abd Rahman, L., & Yaakob, M. A. (2024). Terjemahan literal yang sepadan: Analisis linguistik terhadap wacana kinayah al-Quran. Dlm. N. Abdullah, N. Ismail & Z. A. Suffian Ahmad (Pnyt.), *Isu-Isu Pengajian Peradaban Islam Kontemporari*. (14-24). Penerbit UIS.
- Abdullah, N., Samsudin, S., Abd Rahman, L., Zainal Abidin, A. N. & Hambali, M. A. (2022). Keperluan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kinayah. Dlm. M. A. Majid, W. Saidpudin & J. M. Ghazali (Pnyt.), *Teknologi dan Pendidikan dalam Pembangunan Insan*. Bab 13. (229-245). Bandar Seri Putra: Penerbit UIS.
- Ahmad, K. & Mawardi, K. (2014). Contributions of Mahmud Yunus to the interpretation of the Quran. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 1(1), 87-101. <https://doi.org/10.15364/ris14-0101-05>.

- Ahmad, K., Mawardi, K., Maksom, A.M., Ariffin, S. & Abdullah, M. (2012). *Ketokohan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir al-Quran: Kajian terhadap kitab tafsir Qur'an Karim*. Dlm. *The 2nd. Annual International Qur'anic Conference 2012*, 22-23 Feb 2012, University of Malaya.
- Ainon, M. & Abdullah, H. (2006). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Al-Attas, S. M. A. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM.
- Al-Bayḍawī, N. A. (2003). *Tafsīr al-Bayḍawī: al-Musamma anwār al-tanzīl wa asrār al-ta'wīl*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Al-Hashīmī, A. (1994). *Jawāhir al-balāghah fī al-ma'ānī wa al-bayān wa al-badī'*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Qurṭubī, A. A. (2000). *Al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭī, J. (2003). *Al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān*. Beirut: al-Maktabah al-Aṣriyyah.
- Al-Ṭabarī, I. J. (2005). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āyi al-Qur'ān*. Cairo, Egypt: Dār al-Salām.
- Al-Zamakhsharī, A. Q. (1995). *Al-Kashshāf 'an haqā'iq ghawāmiḍ al-tanzīl wa 'uyūn al-aqāwīl fi wujūh al-ta'wīl*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkashī, B. M. A. (2001). *Al-Burhān fi 'ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Anon. (2021). *Kamus kesusasteraan*. Dlm. M. S. Yaapar (eds). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2006). *Kamus besar Arab-Melayu dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ariffin, A. & Mansor, I. (2020). Analisis kesahihan terjemahan unsur figuratif al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Dlm. N. R. Mansor et al. (Pnyt.), *Prosiding Madani 2019 Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf 21*. (pp. 541-550). Universiti Malaysia Terengganu. Penerbit UMT.
- Che Mat, A. (2018). *Ilmu al-ma'ānī dalam terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faizan, B., & Hussin, H. (2014). Kaedah terjemahan nas al-Quran dalam Tafsir Nur Al-Ihsan. *Islamiyyat*, 36(1), 33. Dicapai daripada <https://journalarticle.ukm.my/8012/>.
- Halim, Z. A., Salleh, A. W., Rahman, N. E. A., & Suhane, S. H. M. (2018). Konsep 'ilm al-bayan dalam gaya bahasa Melayu: Sorotan perbandingan dan pemanfaatannya dalam pengajaran ilmu balaghah. *Proceedings of International Conference on Ummah (ICU2018)*, 406.
- Hasibuan, U. K. (2020). Mahmud Yunus dan kontribusi pemikirannya terhadap hadis. *Istinarah: Riset Keagamaan, Sosial dan Budaya*, 2(1), 1-15. Dicapai daripada <https://ejournal.uinmybatusangkar.ac.id/ojs/index.php/istinarah/article/view/2005>.
- Ibn 'Āshūr, M. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūnisīyyah.
- Ibn Kathīr, A. F. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Al-Jīzah, Mesir: Mu'asasah Qurtuba wa Maktabah Aulād al-Syeikh li al-Turāth.
- Idid, S. A. (2002). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, M. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language wquivalence*. Lanham, New York: University Press of America.
- Long, A. S. (2016). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bangi: Penerbit UKM.

- Madjid, M. N. (2021). Translation analysis of figurative language in the novel Khān Al-Khalīlī by Naguib Mahfouz. *Global Journal Al-Thaqafah*, 11(2), 7–16. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/publication/359979686_Translation_Analysis_of_Figurative_Language_in_the_Novel_of_Khan_Al_Khalili_By_Naguib_Mahfouz.
- Masril, E., Mohammad, M. N., Samsudin, M. A., & Omar, A. F. (2013). Pemikiran fiqh Mahmud Yunus. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 35(1), 5-18. Dicapai daripada <https://journalarticle.ukm.my/6864/>.
- Musa, M. A., Yusoff, A. M., & Azmi, A. S. (2019). Terjemahan ayat amthal di dalam al-Quran: Kajian terhadap Tafsir Quran Karim karya Prof. Dr. H. Mahmud Yunus. *Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 15, 12-24. Dicapai daripada <https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/180/134>.
- Rahman, L. A., Abdullah, N., & Samsudin, S. (2019). Ketidaktepatan dalam terjemahan kinayah Al-Quran. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, 22 October 2019, Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. 260-270. Dicapai daripada <http://conference.kuis.edu.my/pantumn/e-prosiding-pantumn/e-prosiding-2019#bil-16-30>.
- Srimulyani, E. (2011). The idea of Mahmud Yunus to reform Arabic teaching. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, 12(1), 1-17. Dicapai daripada <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/didaktika/article/view/434/345>.
- Yusoff, Z. M., & Abdullah, W. N. W. (2005). Tarjuman al-Mustafid: Satu analisa terhadap karya terjemahan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16. 155-173. <https://eprints.um.edu.my/11210/>.
- Yusuff, M. S. S., & Sahad, M. N. (2013). Bacaan intertekstual terhadap Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu kajian menurut kaedah parallel. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7, 48-59. Dicapai daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/LJMS/article/view/3011/1989>.
- Yusuff, M. S. S., Manaf, M. R. A., Ahmad, M. T. A. C., & Mahadzir, A. H. (2021). Kritikan terhadap teks karya Ma'alim al-Tanzil oleh Muhammad al-Husayn Al-Baghawi dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 3(4), 1-7. Dicapai daripada <https://mysitasi.mohe.gov.my/journal-website/journal/ijarih/archive>.
- Yusuff, M. S. S., Saufi, M. S. A. M., & Othman, Y. (2020). Bacaan intertekstual terhadap Tafsir Nur al-Ihsan: Kajian menurut kaedah ekspansi. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(2), 1-11. Dicapai daripada <https://mysitasi.mohe.gov.my/journal-website/get-meta-article?artId=709c2c22-611d-11ef-a699-005056a6a970&formatted=true>.
- Zakaria, M. F. (2021). Kaedah terjemahan kata kerja dalam al-Quran: Analisis surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(1), 131-150. Dicapai daripada <https://jcis.uitm.edu.my/volume-7-issue-1-2021/>.
- Zarif, M. M. M. (2018). Peranan dan sumbangan Mahmud Yunus (m. 1983) dalam ilmu Mustalah al-Hadith di Alam Melayu. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(1), 30-43. Dicapai daripada <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/89/71>.

Disclaimer

The views expressed in this article are those of the author. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* shall not be liable for any loss, damage or other liability caused by / arising from the use of the contents of this article.

